



KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN DARI PERSPEKTIF PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

(Curriculum, Teaching and Assessment in The Perspective of Classroom Assessment)

Kalai Selvan Arumugham

Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: arumughamkalaiselvan@gmail.com

Received: 31 March 2020 • Accepted: 24 April 2020 • Published: 30 April 2020

Abstract

Classroom assessment (PBD) is introduced with the purpose of assessing and measuring the holistic development of a student's learning. PBD needs to be implemented to ensure that students develop an interest and enjoyment of learning. The burden of examination has been fully reduced to ensure that student character building can be carried out from standard one until three. This research is conducted to understand how primary school teachers in Malaysia implement PBD. The main aspects that been researched is on how teachers are integrating curriculum, teaching and assessment and the second is on how teachers are implementing PBD. Researcher has chosen to use a qualitative approach because this research aims to explore and understand in-depth on how teachers are implementing PBD. Ten teachers were selected to obtain data on the implementation of PBD. Researcher conducted interviews and observations during the data collection process. The findings were reported based on themes generated from the data obtained. Three themes have been developed to explain how teachers integrate curriculum, teaching and assessment as well as implementing PBD. The themes can also explain in detail the process of implementing PBD among these teachers. Ideally, teachers would still need ongoing supervision and guidance to ensure that they can understand and realize the implementation of PBD as required. This research also shows that there are still some gaps that policymakers need to fill in to ensure that the goals of the implementation could be achieved.

Keywords: Curriculum, Teaching, Classroom Assessment, Assessment

Abstrak

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan dengan tujuan untuk menilai dan mengukur perkembangan pembelajaran seseorang murid secara holistik. PBD perlu dilaksanakan untuk memastikan murid-murid dapat memupuk minat dan keseronokkan untuk belajar. Bebanan peperiksaan telah dikurangkan sepenuhnya untuk memastikan pembinaan karakter murid dapat dilakukan sepanjang tempoh murid-murid ini berada di tahun satu hingga tiga. Penyelidikan ini dijalankan untuk memahami cara guru-guru sekolah rendah di Malaysia melaksanakan PBD. Aspek utama yang dilihat ialah cara guru-guru menghubungkaitkan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dan yang kedua ialah cara guru-guru melaksanakan PBD. Penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif kerana penyelidikan ini berhasrat untuk meneroka dan memahami cara guru-guru melaksanakan PBD. Seramai sepuluh orang guru telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan PBD. Penyelidik telah melakukan temu bual dan pemerhatian untuk proses pengumpulan data. Dapatan telah dilaporkan berdasarkan tema-tema yang dihasilkan berdasarkan data yang telah dikumpulkan. Tiga tema telah diperoleh untuk menjelaskan cara guru-guru menghubungkaitkan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran serta melaksanakan PBD. Tema-tema itu juga dapat menjelaskan secara terperinci tentang proses pelaksanaan PBD dalam kalangan guru-guru yang dipilih. Secara idealnya para guru didapati masih memerlukan pemantauan dan bimbingan yang berterusan untuk memastikan mereka dapat memahami dan menzahirhi cara pelaksanaan PBD seperti yang dihasratkan. Penyelidikan ini juga dapat menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa lompong yang perlu diisi oleh pihak penggubal dasar untuk memastikan hasrat pelaksanaan PBD dapat dicapai sepenuhnya.

Kata Kunci: Kurikulum, Pengajaran, Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran

Cite as: Arumugham, K.S (2020). Curriculum, Teaching and Assessment in The Perspective of Classroom Assessment. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.

PENDAHULUAN

PBD telah diperkenalkan pada tahun 2019 oleh mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berusaha Dr. Maszlee Malek. PBD diperkenalkan dengan beberapa matlamat seperti mengurangkan bebanan peperiksaan dalam usia awal persekolahan, mewujudkan budaya pembelajaran yang menyeronokkan, membantu guru untuk mengukur perkembangan pembelajaran murid secara holistik dan mewujudkan peluang pembelajaran yang sama rata untuk semua murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Perkara ini adalah selaras dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yates dan Johnston (2018) bahawa pendekatan peperiksaan adalah kurang sesuai untuk diamalkan untuk murid-murid pada zaman ini memandangkan setiap murid mempunyai potensi dan kebolehan yang berbeza.

Perbezaan ini memerlukan satu pendekatan yang holistik dan memerlukan satu jangka masa yang agak panjang untuk mengenal pasti kebolehan dan potensi yang ada pada murid tersebut. Murid juga mempunyai minat dan keseronokkan belajar apabila mereka tidak mempunyai bebanan peperiksaan yang keterlaluan memandangkan mereka mempunyai ruang masa yang lebih banyak untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti pembentangan,

perbincangan kumpulan, pembelajaran berdasarkan projek dan pembelajaran bersifat penerokaan (Tong, 2016). Melihat kepada keadaan ini, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka dan memperkenalkan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik serta mampu untuk mengukur perkembangan pembelajaran murid secara menyeluruh. PBD juga dikatakan mampu memberi ruang pembelajaran yang sama rata kepada semua murid memandangkan proses pentaksiran akan dijalankan sepanjang masa dan murid mempunyai peluang yang luas untuk memperbaiki kelemahan mereka (Sidhu, Kaur & Chi, 2018).

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan serta idea-idea yang mempunyai potensi untuk mengembangkan kualiti pendidikan kebangsaan, maka satu anjakan telah dilakukan terhadap sistem pendidikan kebangsaan. PBD telah diperkenalkan kepada murid-murid tahun satu hingga tiga bermula tahun 2019. Pengenalan ini adalah berdasarkan rasional-rasional yang telah dinyatakan melalui beberapa penyelidikan yang telah dilakukan serta keperluan kepada pendidikan zaman sekarang. Hasrat dan harapan yang tinggi telah diletakkan agar perubahan ini akan membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah.

Pentaksiran untuk pembelajaran telah mengorak langkah KPM untuk memperkenalkan PBD dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perubahan ini adalah sejarah dengan keperluan di peringkat global yang kini mula memberi penekanan untuk mengukur perkembangan pembelajaran murid secara lebih holistik. Zaman ini bukanlah zaman untuk membanding bezakan pencapaian antara murid sebaliknya pengukuran perlu dilakukan berdasarkan keupayaan yang dimiliki oleh murid tersebut (Climie & Henley, 2016). Di samping itu, setiap murid juga harus diberi perhatian serta bimbingan sama rata agar murid-murid tidak ketinggalan dalam arus pembelajaran (Yates & Johnston, 2018). Menyedari keperluan-keperluan ini maka KPM telah menyahut cabaran ini dengan memperkenalkan PBD untuk murid-murid tahun satu hingga tiga.

Walaupun PBD ini sebenarnya dirangka berdasarkan konsep pentaksiran formatif yang sudah lama diperkenalkan namun setiap perubahan akan sentiasa membawa keimbangan kepada guru yang memainkan peranan sebagai agen pelaksana kurikulum (Keddie, 2018). Perubahan ini dilakukan agak drastik jika dibandingkan dengan perubahan-perubahan yang telah dilakukan sebelum ini. Secara rasminya maklumat telah disampaikan oleh pihak KPM bermula Oktober 2018 dan mula dilaksanakan diperingkat sekolah bermula Januari 2019. Dalam tempoh empat bulan ini rangka kerja PBD telah diberikan kepada pihak pentadbir sekolah dan maklumat ini perlu disampaikan kepada para guru dan waris yang terlibat secara langsung. Setiap perubahan yang dilakukan dalam pendidikan memerlukan tempoh masa sekurang-kurangnya satu tahun untuk memastikan sistem itu diperkenalkan sepenuhnya kepada semua individu yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan sistem tersebut. Latihan dan kursus yang bersesuaian juga perlu diberikan kepada guru-guru untuk memastikan kompetensi mereka untuk melaksanakan perubahan yang telah diperkenalkan (Kwiek & Szadkowski, 2018).

Perubahan dapat dilakukan dalam tempoh masa yang terdekat sekiranya pihak penggubal dasar mempunyai kepercayaan bahawa guru-guru mampu untuk melaksanakan perubahan yang bakal diperkenalkan (Donina, Seeber & Paleri, 2017). Kenyataan ini didapati agak menarik untuk dipertimbangkan memandangkan pengenalan PBD untuk murid-murid tahun satu hingga tiga dilakukan dalam tempoh masa terdekat, iaitu hanya dalam empat bulan sahaja. Walaupun, perancangan untuk memperkenalkan PBD telah dilakukan untuk tempoh masa yang agak panjang, namun pengenalan pada peringkat sekolah telah dilakukan dalam tempoh yang amat singkat. Ini menimbulkan persoalan kepada penyelidik sama ada guru-guru ini sudah mempunyai kompetensi untuk melaksanakan PBD atau kompetensi ini akan dibangunkan ketika mereka mula melaksanakan PBD. Guru-guru yang mempunyai kompetensi untuk melaksanakan sesuatu program yang baharu diperkenalkan selalunya sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang program yang diperkenalkan (Keddie, 2018). Ini juga

menimbulkan persoalan tentang pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh guru-guru ini untuk melaksanakan PBD.

Rumusannya, PBD telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan dalam tempoh yang amat singkat tanpa diberi kursus dan latihan kepada guru. Oleh itu, keadaan ini telah memberi ruang kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan ini memandangkan Kwiek dan Szadkowski (2018) mengatakan guru-guru memerlukan ruang masa yang agak panjang untuk mempelajari serta menzahirinya perubahan yang telah dilakukan. Pendapat ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Keddie (2018) yang berpendapat perubahan dapat dilakukan pada bila-bila masa sekiranya pihak penggubal dasar beranggapan guru-guru mempunyai kompetensi untuk melaksanakan perubahan yang bakal diperkenalkan. Oleh kerana PBD merupakan satu ilham baharu yang diperkenalkan di peringkat sekolah maka ini menampakkan satu keperluan untuk menyelidik perkara ini secara mendalam. Tambahan pula, sehingga kini belum ada lagi penyelidikan yang dilakukan untuk menyelidik cara guru-guru sekolah rendah melaksanakan PBD yang merangkumi tiga aspek iaitu kurikulum, pengajaran dan pentaksiran.

METODOLOGI

Penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjalankan penyelidikan ini. Pemilihan pendekatan ini adalah berdasarkan matlamat penyelidikan ini adalah untuk meneroka dan memahami cara pelaksanaan PBD dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Penyelidikan kualitatif membantu seseorang penyelidik untuk memahami serta mendalami perkara yang dikaji (Braun & Clarke, 2013). Penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah kajian kes untuk membantu memahami cara guru-guru melaksanakan PBD. Kajian kes dipilih kerana kaedah ini membantu penyelidik untuk menganalisis secara terperinci tentang setiap penceritaan yang dilakukan oleh guru-guru yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PBD. Kajian kes membantu penyelidik untuk membanding bezakan penceritaan yang dilakukan oleh setiap peserta kajian (Patton, 2014).

Memandangkan penyelidikan ini mempunyai tujuan yang khusus untuk mengkaji guru-guru yang melaksanakan PBD maka teknik persampelan bertujuan telah dipilih. Persampelan bertujuan membantu dalam penyelidikan kualitatif untuk mendapatkan maklumat secara langsung terhadap pekerjaan yang dikaji (Braun & Clark, 2013). Penyelidik telah memilih sepuluh orang guru yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PBD tahun satu hingga tiga. Guru-guru ini terdiri dalam kalangan mereka yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Data telah dikumpulkan melalui temu bual dan pemerhatian. Setiap peserta kajian telah ditemu bual sebanyak tiga kali untuk memastikan data yang dilaporkan adalah konsisten. Semua temu bual telah dirakam dan ditranskrip. Pemerhatian juga dilakukan sebanyak tiga kali supaya peserta tidak menujukkan kelainan dengan kehadiran penyelidik ke lapangan. Penyelidik telah membuat catatan nota sepanjang proses pemerhatian. Protokol pemerhatian dilakukan seperti yang dicadangkan oleh (Creswell & Clark, 2017).

Data telah diorganisasikan melalui perisian NVivo versi 10 dan telah dianalisis secara manual untuk dikenalpasti tema. Tema telah dikenalpasti melalui kekerapan pengulangan frasa data temu bual serta data pemerhatian. Analisis data kualitatif memerlukan penelitian yang mendalam kerana teks yang dinyatakan oleh setiap peserta mempunyai maksud yang tersendiri dan penyelidik haruslah mempunyai kemahiran yang mendalam untuk mengenalpasti serta mengategorikan teks tersebut. (Creswell & Clark, 2017). Penyelidik telah melakukan proses *member checking* iaitu setelah data ditranskripsikan transkrip temu bual diberikan semula kepada peserta untuk menyemak dan memastikan kesahan dan ketulenan setiap frasa yang diperkatakan. Data yang diperoleh melalui temu bual juga telah ditriangulasikan dengan data pemerhatian. Proses triangulasi dapat meningkatkan

kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif kerana proses ini akan memberikan keselarian data yang diperoleh melalui dua kaedah pengumpulan data yang berbeza (Braun & Clarke, 2013). Data yang telah dianalisis telah dilaporkan berdasarkan tema yang telah dibentuk.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian terdapat tiga cara pelaksanaan PBD, iaitu pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran untuk menentukan tahap pencapaian dan pentaksiran untuk kemenjadian murid. Ketiga-tiga cara pelaksanaan PBD ini dikenalpasti melalui penceritaan yang dilakukan oleh guru-guru serta pemerhatian yang telah di lakukan oleh penyelidik.

Pentaksiran untuk pembelajaran

Terdapat tiga orang guru yang dikategorikan di bawah tema pentaksiran untuk pembelajaran. Identiti sebenar guru-guru ini dirahsiakan. Oleh itu, untuk tujuan laporan penyelidikan ini penyelidik telah memberi nama samaran kepada guru-guru ini. Win, Mona dan Zan merupakan tiga orang guru yang melaksanakan PBD untuk pembelajaran murid. Data temu bual guru-guru ini mempunyai keselarian dengan data pemerhatian yang telah dikumpulkan.

Saya akan memastikan anak pelajar memupuk sikap hendak belajar. Melalui PBD saya akan wujudkan penglibatan semua murid. Semua murid harus melalui pembelajaran dalam bilik darjah (Win, TM3).

Saya buat PBD untuk memastikan penglibatan yang aktif dalam kalangan murid. Saya menilai dan mentaksir murid berdasarkan penglibatan dan saya akan pastikan mereka belajar (Mona, TM2).

Murid kena belajar. Melalui PBD mereka akan melibatkan diri secara aktif dan sentiasa belajar (Zan, TM2).

Data temu bual menujukkan guru-guru ini melaksanakan PBD untuk memastikan proses pembelajaran berlaku. Semasa melaksanakan PBD aktiviti yang diberikan adalah untuk memastikan perkembangan pembelajaran murid. PBD dirancang khusus untuk memastikan murid dapat mengambil bahagian yang aktif semasa pembelajaran (Climie & Henley, 2016).

Semasa pemerhatian dilakukan guru-guru ini didapati melaksanakan pelbagai aktiviti yang mampu untuk menarik minat pelajar. Contohnya, ketika Mata Pelajaran Matematik Tahun Tiga Win telah memberikan soalan penyelesaian masalah yang melibatkan operasi tambah dan tolak. Win telah membahagikan murid-murid kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan diberikan soalan berbentuk penyelesaian masalah. Murid-murid diberi peluang untuk berbincang sesama ahli kumpulan dan menyelesaikan masalah tersebut. Setelah masalah itu diselesaikan maka murid-murid tersebut tampil ke hadapan untuk membentangkan hasil perbincangan. Kaedah ini juga digunakan oleh Mona dan Zan.

Saya akan melakukan pentaksiran ketika murid-murid ini melakukan perbincangan kumpulan (Win, TM1).

Walaupun aktiviti dilakukan dalam kumpulan saya membuat pemerhatian untuk mentaksir kebolehan murid (Zan, TM2).

Aktiviti dilakukan secara berkumpulan, namun pentaksiran saya lakukan untuk individu (Mona, TM2).

Dalam konteks ini, walaupun aktiviti dilakukan dalam bentuk kumpulan namun guru-guru ini melakukan pentaksiran secara individu. Di antara kaedah yang digunakan ialah pemerhatian ketika murid membuat aktiviti kumpulan. Proses mentaksir untuk PBD memerlukan kreativiti guru. Ini bermakna guru dapat menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai untuk membuat pentaksiran berdasarkan situasi pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah (Yates & Johnston, 2018). Guru-guru ini menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan situasi pembelajaran yang berlaku pada masa tersebut.

Data juga menunjukkan guru-guru ini menghubungkaitkan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran. Mereka menjadikan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) sebagai panduan untuk melaksanakan pengajaran dan seterusnya pentaksiran.

Saya merujuk DSKP untuk memilih tajuk serta menggunakan kaedah pengajaran yang dicadangkan. Selalunya dalam DSKP juga dicadangkan kaedah untuk melaksanakan pentaksiran (Mona, TM3).

Dalam DSKP ada diberi cadangan, tapi ikut kesesuaian. Saya tengok kalau sesuai saya akan gunakan kalai tidak saya buat ikut kesesuaian (Zan, TM2).

Cara pelaksanaan PBD dalam kalangan guru-guru ini menunjukkan guru menjadikan DSKP sebagai panduan. Mereka juga menghubung kaitkan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran untuk memastikan proses pentaksiran murid dijalankan dengan betul. Ini kerana dalam DSKP dicadangkan kaedah pengajaran dan pentaksiran yang sesuai untuk setiap tajuk yang dimuatkan.

Pentaksiran untuk menentukan tahap pencapaian

Terdapat tiga orang guru pula yang melaksanakan PBD yang bersifat menentukan tahap pencapaian murid, iaitu Liza, Rind dan Zah. Ketiga-tiga orang guru ini mengajar mata pelajaran sains dan matematik untuk tahun satu hingga tiga. Salah satu aspek yang diperkenalkan dalam PBD ialah untuk menentukan tahap pencapaian murid (TP). Terdapat enam peringkat pencapaian yang dinyatakan dalam PBD, iaitu tahap satu hingga enam. Setiap tahap memberikan diskripsi yang berbeza. Guru-guru ini didapati menjadikan TP sebagai indikator utama untuk melaksanakan PBD.

Saya akan memastikan murid mencapai sekurang-kurangnya TP3. Jadi aktiviti yang saya lakukan ialah berdasarkan TP3 hingga TP 6. Sekiranya murid mencapai TP 6 maka saya beralih ke pentaksiran yang berikutnya (Liza, TM3).

TP adalah penentu utama untuk melaksanakan PBD. Murid harus mencapai sekurang-kurangnya TP3 (Rind, TM2).

Setiap aktiviti adalah berdasarkan TP. Jadi saya rangka aktiviti berdasarkan TP yang sesuai. Kalau murid dah menguasai tajuk tersebut maka aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan TP 4 hingga TP6. (Zah, TM1).

Guru-guru ini didapati menggunakan TP sebagai indikator untuk melaksanakan PBD. Setiap diskripsi TP juga dinyatakan dengan jelas dalam DSKP. Guru-guru ini juga didapati memberikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan

dengan TP yang dicadangkan. Semasa pemerhatian dilakukan, didapati guru-guru ini melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dirancangkan. Setelah sesi pengajaran selesai, guru menggunakan lima belas minit yang terakhir untuk melaksanakan PBD. Pada waktu ini, guru menyediakan aktiviti yang berbentuk pentaksiran untuk tajuk yang telah diajar. Namun, guru-guru ini menampakkan sedikit perbezaan berbanding guru-guru lain iaitu PBD dijalankan dalam bentuk ujian bertulis. Disamping ujian bertulis guru-guru ini juga memberikan kerja rumah kepada murid-murid ini. Kerja rumah yang diberikan juga adalah berkisar kepada tajuk yang telah diajar dalam bilik darjah.

Selain ujian ringkas, saya juga berikan kerja rumah. Tajuknya berkaitan dengan apa yang diajar pada hari it. Tujuannya nak lihat penguasaan murid terhadap tajuk yang diajar. Kalau ujian murid tak boleh rujuk buku, tapi kerja rumah ni ada peluang untuk murid mencari maklumat (Zah, TM3).

Kerja rumah diberikan juga untuk menilai dan mentaksir murid. Kerja rumah tu saya buat perbandingan dengan ujian yang murid buat dalam kelas. Kalau dalam bentuk kerja rumah pelajar boleh belajar sendiri (Liza, TM1).

Saya bagi kerja rumah. Tajuknya sama dengan apa yang saya ajar dan uji dalam kelas. Tujuannya adalah untuk mengukur kebolehan murid terhadap tajuk yang disampaikan di samping itu murid juga ada peluang untuk mencari maklumat sendiri (Rind, TM3).

Kerja rumah yang diberikan juga adalah bertujuan untuk mengukur penguasaan murid terhadap tajuk yang telah diajar. Motif utama kerja rumah diberikan sebagai PBD adalah untuk memberi peluang untuk murid mencari maklumat berpandukan bahan seperti buku teks. Pentaksiran untuk pembelajaran boleh dilakukan melalui pelbagai bentuk. Ruang yang sebetulnya perlu diberikan oleh guru untuk memastikan murid mempunyai peluang untuk mencari maklumat yang kurang jelas tentang tajuk yang telah dipelajarinya (William & Thompson, 2017). Perkara yang diperkatakan ini mempunyai persamaan dengan apa yang telah dilakukan oleh kumpulan guru-guru ini. Guru-guru ini melaksanakan PBD setelah pengajaran dilakukan. Sebagai tambahan mereka juga menyediakan kerja rumah untuk membantu murid mencari dan mendapatkan maklumat secara persendirian kerana guru-guru menganggap ini sebagai satu kaedah yang membantu murid untuk meningkatkan TP mereka. Apa yang kelihatan ialah guru-guru ini memberi keutamaan terhadap penguasaan TP oleh setiap murid. Mereka menjadikan TP sebagai indikator utama untuk melaksanakan PBD.

Selain itu, cara guru-guru ini melaksanakan PBD juga masih menampakkan bahawa mereka mampu untuk menghubungkaitkan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran. Ini kerana, tajuk yang diajar adalah merangkumi tajuk-tajuk yang diberikan dalam DSKP. Mereka juga telah merancang untuk melaksanakan PBD berdasarkan tajuk-tajuk yang dinyatakan. Namun, kaedah untuk melaksanakan PBD sahaja menujukkan perbezaan, iaitu melalui ujian dan latih tubi kerja rumah.

Pentaksiran kemenjadian murid

Aspek kemenjadian murid diberi penekanan dalam pelaksanaan PBD. Ini kerana, melalui pentaksiran murid mampu menujukkan perubahan dalam pembelajaran (Sidhu, Kaur & Chi, 2018). Sham, Naz, Mini dan Vicky merupakan kategori guru yang melaksanakan PBD secara kemenjadian murid. Guru-guru ini mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk murid-murid tahun satu hingga tahun tiga.

Guru-guru ini menggunakan DSKP untuk mengenalpasti tajuk-tajuk yang memerlukan PBD perlu

dilaksanakan. Setelah tajuk dikenalpasti maka mereka merancang aktiviti yang bersesuaian untuk melaksanakan PBD. Aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah seperti drama, membaca, *public speaking*, bercerita dan membuat ulasan. Guru-guru tidak memisahkan pelaksanaan PBD dengan pengajaran dan pembelajaran.

PBD banyak dilakukan untuk melihat penguasaan murid dalam aspek lisan seperti berkomunikasi dengan baik. Oleh itu saya banyak memberi peluang kepada murid untuk bercakap dan PBD dilakukan ketika aktiviti-aktiviti seperti ini (Sham, TM2).

PBD banyak memberi penekanan kepada aktiviti dan kebolehan murid untuk menguasai aspek bahasa dan komunikasi. Jadi, saya banyak lakukan aktiviti yang memberi peluang kepada murid untuk bercakap (Naz, TM3).

Dalam PBD kita perlu lihat kebolehan murid untuk kuasai kebolehan untuk bertutur dengan baik. Oleh itu banyak aktiviti yang saya lakukan berbentuk untuk komunikasi untuk murid-murid, seperti bacaan, ulasan buku cerita dan bercerita (Vicky, TM1).

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh guru-guru ini kebanyakannya bersifat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran berbahasa. PBD dijalankan ketika murid-murid melakukan aktiviti seperti ini. Semua aktiviti yang dilakukan oleh guru-guru ini adalah bersifat untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan murid. Aktiviti-aktiviti ini juga bersifat perkembangan pembelajaran yang akhirnya membantu untuk kemenjadian murid dalam bidang bahasa.

Sepanjang pemerhatian yang dilakukan, guru-guru ini menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan untuk membangunkan kompetensi murid untuk bertutur dan membaca. Ini adalah kemahiran-kemahiran ini ditekankan dalam kedua-dua mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebagai contoh Sham yang mengajar Bahasa Melayu Tahun Dua memberikan aktiviti bercerita dengan menggunakan gambar. Guru tersebut memberikan sekeping gambar untuk setiap murid dan memberikan masa sebanyak 10 minit untuk mereka memikirkan tentang gambar tersebut. Setelah sepuluh minit Sham memilih pelajar untuk keluar ke hadapan dan bercerita tentang gambar tersebut. Pentaksiran dilakukan ketika murid tersebut membuat penceritaan. Kaedah seperti ini juga telah dilaksanakan oleh Vicky yang mengajar Bahasa Inggeris Tahun Tiga. Murid diberi bahan rangsangan dan murid ditaksir kemahiran berbahasa.

Pentaksiran yang berterusan perlu dilakukan dengan kaedah yang sesuai. Sekiranya satu kaedah didapati kurang sesuai dan tidak membantu untuk guru itu untuk melaksanakan pentaksiran maka guru harus memilih cara yang lebih sesuai dengan tahap murid tersebut (Hawe & Dixon, 2017). Penyataan ini memperlihatkan cara peserta kajian ini melaksanakan PBD. Apabila guru mendapati kaedah yang digunakan kurang sesuai untuk mengukur perkembangan pembelajaran seseorang murid maka guru telah beralih kepada kaedah yang lebih sesuai. Contohnya, Naz yang mengajar Bahasa Melayu telah menggunakan kaedah bercerita untuk mengukur perkembangan pembelajaran seorang murid. Namun murid itu tidak mampu untuk bercerita. Pada masa itu, Naz tidak beranggapan bahawa murid itu tidak menguasai kemahiran berbahasa, malah Naz memberi peluang kepada murid itu untuk membuat penulisan yang ringkas tentang cerita tersebut. Melalui kaedah ini murid tersebut mampu untuk membuat penulisan yang ringkas berdasarkan gambar yang diberikan. Naz membuat andaian bahawa murid ini mempunyai penguasaan bahasa dan mampu untuk menunjukkan perkembangan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidikan ini telah meneroka beberapa cara yang digunakan oleh guru-guru sekolah rendah di Malaysia untuk melaksanakan PBD yang baharu sahaja diperkenalkan. Cara yang digunakan oleh guru-guru ini adalah berdasarkan beberapa cadangan yang telah diberikan dalam DSKP. Terdapat juga guru-guru yang menggunakan kreativiti masing-masing untuk melaksanakan PBD. Walau bagaimanapun cara-cara yang digunakan oleh mereka adalah berlandaskan kepada kaedah-kaedah pelaksanaan pentaksiran yang bersifat formatif. Memandangkan PBD diperkenalkan berlandaskan pentaksiran formatif, maka proses perkembangan pembelajaran murid menjadi ilham utama guru-guru ini.

Terdapat tiga cara utama yang dapat dikenal pasti melalui penyelidikan ini. Cara pertama lebih ke arah pentaksiran untuk pembelajaran. Cara guru-guru ini adalah mirip kepada semua saranan yang telah dilakukan oleh Chappuis & Stiggins (2017) dan Lam (2016) yang mengatakan PBD merangkumi pembelajaran. Apabila guru-guru melaksanakan pentaksiran maka itu juga secara tidak langsung merujuk kepada pembelajaran. Cara kedua yang diperkenalkan oleh guru-guru dalam kajian ini adalah agak luar biasa dan tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana penyelidikan yang lepas. Ini kerana, TP merupakan satu kaedah pengukuran dalam PBD yang diperkenalkan dalam konteks Malaysia. Walau bagaimanapun, cara ini tidak memberi satu pemerincian yang jelas tentang proses pelaksanaan PBD. Guru-guru ini menggunakan maklumat yang diberikan dalam DSKP dan aktiviti PBD dirancang berpandukan cadangan yang diberikan.

Terdapat juga guru-guru yang melaksanakan PBD yang bersifat untuk kemenjadian murid. Perkara ini juga telah dibincangkan oleh Hawe dan Dixon (2017) yang mengatakan kemenjadian murid merupakan satu aspek yang penting dalam PBD. Ini akan memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan pembelajaran murid. Namun, hanya guru-guru yang mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja yang melaksanakan cara ini. Ini mungkin kerana kandungan kurikulum mata pelajaran itu memberi ruang kepada guru-guru tersebut melaksanakan PBD mengikut cara ini.

Penyelidikan ini juga memberi gambaran tentang keadaan pelaksanaan PBD yang baharu sahaja diperkenalkan di Malaysia. Secara keseluruhannya PBD dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh KPM namun terdapat beberapa lompong yang masih perlu diisi. Salah satu yang jelas kelihatan ialah ketidak selarian guru-guru melaksanakan PBD. Ada dalam kalangan guru yang melaksanakan PBD bermotifkan untuk pembelajaran manakala ada pula yang memberi penekanan terhadap TP. Walaupun kedua-dua aspek ini mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan PBD namun tumpuan terhadap TP menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada proses perkembangan pembelajaran murid.

Aspek ini memerlukan perhatian daripada pihak pengubal dasar memandangkan sekiranya perkara ini berterusan maka ini akan memberi kesan kepada aspek perkembangan pembelajaran murid. PBD mementingkan proses perkembangan pembelajaran murid berbanding dengan pencapaian (Danielson, 2017). Perkara ini perlu disemak semula agar tumpuan terhadap TP ini dikurangkan dalam kalangan guru-guru yang melaksanakan PBD di Malaysia. Secara keseluruhannya guru-guru harus mempunyai kepekaan bahawa PBD diperkenalkan dengan tujuan membantu murid-murid agar tidak keciciran dalam arus pembelajaran. Guru-guru ini memahami tujuan PBD diperkenalkan namun belum menzahiri sepenuhnya proses pelaksanaan PBD seperti yang dihasratkan.

RUJUKAN

- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. sage.
- Chappuis, J., & Stiggins, R. J. (2017). *An introduction to student-involved assessment for learning*. New York, NY: Pearson.
- Climie, E., & Henley, L. (2016). A renewed focus on strengths-based assessment in schools. *British Journal of Special Education*, 43(2), 108-121.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage publications.
- Danielson, C. (2017). Assessment for learning—For teachers as well as students. In *The Future of Assessment* (pp. 191-213). Routledge.
- Donina, D., Seeber, M., & Paleari, S. (2017). Inconsistencies in the governance of interdisciplinarity: the case of the Italian higher education system. *Science and Public Policy*, 44(6), 865-875.
- Hawe, E., & Dixon, H. (2017). Assessment for learning: a catalyst for student self-regulation. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 42(8), 1181-1192.
- Keddie, A. (2018). Adult education: An ideology of individualism. In *Adult education for a change* (pp. 45-64). Routledge.
- Kwiek, M., & Szadkowski, K. (2018). Higher education systems and institutions, Poland. *Encyclopedia of international higher education systems and institutions*, 1-10.
- Lam, R. (2016). Assessment as learning: examining a cycle of teaching, learning, and assessment of writing in the portfolio-based classroom. *Studies in higher education*, 41(11), 1900-1917.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. *Online*(www. moe.gov. my).
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage publications.
- Sidhu, G. K., Kaur, S., & Chi, L. J. (2018). CEFR-aligned school-based assessment in the Malaysian primary ESL classroom. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(2), 452-463.
- Tong, S. Y. A. (2016). Exploring students' perception of and reaction to feedback in school-based assessment. *Malaysian Journal of ELT Research*, 7(2), 44.
- Wiliam, D., & Thompson, M. (2017). Integrating assessment with learning: What will it take to make it work?. In *The future of assessment* (pp. 53-82). Routledge.
- Yates, A., & Johnston, M. (2018). The impact of school-based assessment for qualifications on teachers' conceptions of assessment. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 638-654.